

BAHAGIAN A
[30 MARKAH]

- 1 'Fiqh' dari sudut bahasa ialah _____.
- A faham
 - B ilmu
 - C hukum
 - D syariat
- 2 Fiqh Muallaf ialah ilmu yang membincangkan mengenai hukum hakam mengenai _____ muallaf yang mukallaf berdasarkan al-Quran dan as-Sunnah.
- A kisah
 - B akidah
 - C akhlak
 - D perbuatan
- 3 Taqrir Nabi Muhammad SAW merupakan salah satu sumber dalam penetapan sesuatu hukum. Apakah yang dimaksudkan dengan taqrir?
- A Perilaku.
 - B Bantahan.
 - C Perkataan.
 - D Pengakuan.
- 4 Perkara asas untuk memeluk agama Islam adalah dengan _____.
- A mengucap Dua Kalimah Syahadah
 - B berjumpa dengan Pegawai Agama Islam
 - C mendapatkan surat kebenaran daripada ibu bapa
 - D membuat pendaftaran di Pejabat Pendaftaran Muallaf

- 5 Apakah perkara utama yang ditekankan oleh Rasulullah SAW kepada Muallaf yang baru memeluk agama Islam?
- A Ibadah solat.
 - B Amalan kebaikan.
 - C Akidah dan tauhid.
 - D Keredhaan ibu bapa.
- 6 Antara berikut yang manakah merupakan adat yang **tidak** bertentangan dengan syarak?
- A Pesta Ponggal.
 - B Sambutan perayaan Deepavali.
 - C Lenggang perut ibu yang bersalin.
 - D Minum teh di hadapan ibu bapa untuk memperkenalkan pasangan.
- 7 Mazhab Syafie meletakkan hukum haram bagi orang bukan Islam untuk membaca al-Qur'an berdasarkan hujah bahawa orang bukan Islam adalah dalam keadaan berjunub dan _____.
- A merupakan Kafir Dzimmi
 - B orang bukan Islam merupakan najis
 - C bacaannya yang tidak bertajwid
 - D belum mengucap Dua Kalimah Syahadah
- 8 Siapakah tokoh yang mengumumkan pengislamannya secara terang-terangan?
- A Umar Ibn Aziz.
 - B Bilal Ibn Rabbah.
 - C Ammar ibn Yaseer.
 - D Umar Ibn Al-Khattab.

- 9 Apakah hukum mandi kerana memeluk Islam?
- A Wajib.
 - B Sunat.
 - C Haram.
 - D Makruh.
- 10 Hukum berkhatan bagi lelaki dan perempuan ialah _____ bagi pendapat Imam Syafie.
- A makruh
 - B wajib
 - C sunat
 - D harus
- 11 Berikut merupakan kaedah bagi menggantikan bacaan al-Fatihah untuk Muallaf yang tidak tahu membaca al-Fatihah dalam solat **kecuali**
- A membaca zikir.
 - B melaungkan azan.
 - C membaca mana-mana surah yang diketahui.
 - D diam selama beberapa saat selama bacaan al-Fatihah.
- 12 Berikut merupakan perkara khilaf antara para 'ulama dalam hukum hakam solat **kecuali**
- A menyapu muka selepas salam.
 - B lafaz niat 'usolli' (sahaja aku).
 - C bilangan rakaat solat fardhu.
 - D zikir beramai-ramai selepas solat berjemaah.

13 Puasa dari sudut bahasa adalah menahan diri atau dalam bahasa arabnya ialah _____.

- A doa
- B ibadah
- C iftar
- D imsak

14 Apakah hukum berkhatan bagi lelaki dan perempuan menurut pendapat Imam Malik?

- A Sunat.
- B Wajib.
- C Harus.
- D Makruh.

15 Apakah hukum menggantikan puasa sebelum pengislaman bagi Muallaf mengikut jumhur ulama'?

- A Wajib.
- B Harus.
- C Sunat.
- D Tidak wajib.

16 Perbincangan terhadap Islam hendaklah berpaksikan kepada nilai-nilai _____.

- A nilai ilmu dan akhlak
- B nilai fizikal dan mental
- C nilai harta dan wang ringgit
- D nilai ehsan dan kemanusiaan

17 Berikut merupakan ciri-ciri Mukallaf **kecuali**

- A baligh.
- B terikat.
- C berakal.
- D beragama Islam.

18 Berikut merupakan perbahasan fiqh **kecuali**

- A solat.
- B aqidah.
- C wudhuk.
- D thoharah.

19 Usamah Ibn Zaid hampir membunuh musuh yang telah mengucap Dua Kalimah Syahadah ketika dalam peperangan lalu ditegur Nabi Muhammad SAW. Hal ini menunjukkan bahawa _____.

- A wajib membunuh kafir harbi
- B wajib bertanya dan merujuk Rasulullah SAW dalam segala hal
- C wajib seseorang muslim keluar berperang mempertahankan Islam
- D haram membunuh individu yang mengucap dua kalimah syahadah

20 Nabi mengajarkan ummatnya yang memeluk Islam untuk mengutamakan pergerakan dalam solat berbanding bacaannya. Kaedah ini bersesuaian dengan Konsep _____.

- A Tabarruj
- B Tadarruj
- C Tawajjuh
- D Tasamuh

21 Muallaf dari segi bahasa ialah _____.

- A liar
- B jinak
- C cergas
- D lemah

22 Pengertian Tadarruj dari segi bahasa ialah _____.

- A pukal
- B perlahan
- C sekaligus
- D berperingkat

Ali telah disahkan sebagai pesakit mental yang perlu bergantung dengan ubat oleh pakar sakit jiwa. Pada suatu hari, beliau telah meninggalkan solat Fardhu Zohor kerana mengalami gangguan mental pada waktu tersebut.

23 Berdasarkan kenyataan di atas, apakah hukum meninggalkan solat bagi Ali dalam keadaan tersebut?

- A Berdosa dan wajib menggantikan solat tersebut.
- B Tidak berdosa dan wajib menggantikan solat tersebut.
- C Tidak berdosa dan tidak wajib menggantikan solat tersebut.
- D Tidak berdosa dan wajib menggantikan apabila telah sembuh.

- 24 Apakah hukum membaca al-Fatihah dalam bahasa selain Bahasa Arab di dalam solat bagi Muallaf yang baru sahaja memeluk agama Islam?
- A Harus.
 - B Makruh.
 - C Haram.
 - D Tidak harus.
- 25 Secara umumnya, mazhab yang diamalkan di Malaysia ialah _____.
- A Mazhab Syafie
 - B Mazhab Maliki
 - C Mazhab Hanafi
 - D Mazhab Hanbali
- 26 Hukum menggerakkan jari telunjuk ketika membaca tasyahhud ialah _____.
- A Wajib
 - B Sunat
 - C Makruh
 - D Sunat Muakkad
- 27 Siapakah nama tokoh sahabat yang telah menganut pelbagai jenis agama sebelum diberi hidayah untuk memeluk agama Islam?
- A Saiyyidina Bilal Bin Rabah.
 - B Saiyyidina Salman Al-Farisi.
 - C Saiyyidina Ali Bin Abi Thalib.
 - D Saiyyidina Uthman Bin 'Affan.

28 Pada waktu bilakah kita semua wajib mengingati Allah SWT?

- A Sepanjang masa.
- B Ketika mengerjakan solat.
- C Ketika sakaratul maut.
- D Ketika diri dalam keadaan susah.

Dimanakah Allah SWT berada?

29 Apakah jawapan yang paling baik untuk dimaklumkan kepada orang yang bertanyakan soalan di atas?

- A Allah berada di atas.
- B Allah tidak bertempat.
- C Allah berada di kiri dan kanan kita.
- D Allah berada di mana-mana sahaja.

Bagaimanakah bentuk Allah SWT?

30 Apakah jawapan yang paling **tepat** untuk kita maklumkan kepada orang yang bertanya soalan di atas?

- A Allah tidak sebanding dengan apa-apa makhluk.
- B Allah juga mempunyai anggota badan seperti tangan.
- C Allah mempunyai penglihatan yang berbeza dengan manusia.
- D Allah mempunyai pendengaran yang berbeza dengan manusia.